



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (067-084)

Semiotik Watak Dalam Filem “Imaginur”

Julaina Nopiah & Anis Shafierah Mohmad Adli

julainanopiah@iiu.edu.my, & anishafierahh@gmail.com

*Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Tarikh terima : 30 Mei 2025
Received
Terima untuk diterbitkan : 30 Oktober 2025
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025
Published online

Abstrak

Semiotik boleh ditafsirkan sebagai satu bidang yang memberikan makna kepada simbol atau lambang. Penerapan simbol dan lambang dalam karya seni seperti dalam industri perfileman akan memberikan makna kepada plot idea dan hubungan kepada aspek watak dan perwatakan dalam filem. Semiotik pada dasarnya berkait rapat dengan tafsiran makna yang mempunyai penanda dan petanda. Hal ini selari dengan pilihan pengkaji yang memilih filem “Imaginur” (2023) arahan Nik Amir Mustapha sebagai bahan kajian dengan menggunakan teori semiotik yang dipelopori oleh Roland Barthes (1964). Teori ini telah dikembangkan lagi oleh beliau yang mengkhususkan denotasi dan konotasi sebagai aspek pencarian makna. Denotasi merupakan perkara yang zahir dan boleh dilihat seperti visual ataupun imej manakala konotasi adalah idea berkaitan dengan makna visual ataupun imej tersebut. Objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti nilai semiotik watak dalam filem “Imaginur” dan menganalisis nilai semiotik watak dalam filem “Imaginur”. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dan melibatkan analisis teks visual dengan menonton adegan dalam filem “Imaginur” bagi memperolehi data. Hasil daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa semiotik watak dalam filem “Imaginur” memperkuat lagi naratif penceritaan filem untuk terus hidup. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa watak dalam filem “Imaginur” ini masing-masing mempunyai unsur semiotik watak yang terdiri daripada denotasi dan konotasi. Implikasi daripada kajian ini juga termasuklah dapat mengembangkan lagi pengaplikasian teori semiotik dalam wacana bidang komunikasi visual disamping membuka ruang kepada industri perfileman untuk bersikap lebih kreatif dan berstrategi dalam menggunakan simbol dan lambang untuk menggambarkan makna tersirat dalam sesebuah filem.

Kata kunci: Semiotik, Denotasi, Konotasi, Filem dan Watak

A Semiotic Analysis Of Characters In The Film 'Imaginur'

Abstract

Semiotics can be interpreted as a field that gives meaning to symbols or symbols. The application of symbols and symbols in works of art such as in the film industry will give meaning to the plot of ideas and relationships with aspects of characters and characters in the film. Semiotics is basically closely related to the interpretation of meaning that has markers and signs. This is in line with the choice of the researcher who chose the film "Imaginur" (2023) directed by Nik Amir Mustapha as the study material using the semiotic theory pioneered by Roland Barthes (1964). This theory was further developed by him who specialized in denotation and connotation as aspects of the search for meaning.

Denotation is something that is apparent and can be seen such as visuals or images while connotation is an idea related to the visual meaning or image. The objective of this study was to identify the semiotic value of characters in the film "Imaginur" and analyze the semiotic value of characters in the film "Imaginur". This study uses a descriptive qualitative approach and involves visual text analysis by watching scenes in the film "Imaginur" to obtain data. The results of this study can be concluded that the semiotics of the characters in the film "Imaginur" further strengthens the narrative of the film's storytelling to survive. Therefore, it can be concluded that the characters in the film "Imaginur" each have semiotic elements of characters consisting of denotation and connotation. The implications of this study also include being able to further develop the application of semiotic theory in the discourse of the field of visual communication, opening up space for the film industry to be more creative and strategic in using symbols and emblems to depict the implicit meaning in a film.

Keywords: *Semiotics, Denotation, Connotation, Film and Character*

1. Pendahuluan

Semiotik merujuk sebagai satu istilah yang menumpukan kajian dalam memberi penyampaian makna terhadap tanda dan simbol. Melihat dalam wahana linguistik, semiotik merupakan kajian mengenai tanda atau simbol dalam sesuatu komunikasi atau bahasa di samping mencari cara menghasilkan makna dalam menggunakan tanda dan simbol tersebut. Menurut Basharrudin, N. A., & Mohamad, H. (2014), bahasa secara zahirnya mengandungi gelombang suara dari segi ucapannya dan dari segi tulisannya mengandungi lorekan dakwat, cat, ukiran dan lain-lain yang kesemuanya itu merujuk kepada sesuatu makna tertentu yang bertindak untuk menyampaikan maklumat atau hasrat.

Sesuatu mesej yang tidak mempunyai makna literal seperti “Komunikasi Tanpa Lisan” juga dikategorikan sebagai satu bentuk aspek semiotik (Dr. Nadzri, 2012). Selain daripada perkembangan dunia neologisme, terdapat juga tanda dan simbol terkini yang wujud dalam wacana pembahasaan dan kesusasteraan yang memerlukan kaedah pemaknaan. Oleh itu, interpretasi makna diperlukan dalam dasar semiotik termasuklah dari segi tanda fizikal, tanda sebagai objek psikologi atau tanda sebagai konsep (Metz, 1974). Melalui teori semiotik yang dipelopori oleh Roland Barthes (1964) yang memberikan konsep semiotik lebih mendalam dalam mencerminkan bukan sekadar makna literal (denotasi) tetapi menekankan makna figuratif (konotasi), Barthes juga melihat makna dengan memberi hubungan dengan fenomena budaya serta pemikiran masyarakat. Dengan cara ini, teori semiotik membantu susunan makna dapat difahami dengan lebih konsisten.

Kajian semiotik berfungsi sebagai alat mentafsir segala tanda termasuklah dalam sastera, wacana bahasa, iklan dan kehidupan seharian terutamanya dalam filem. Menurut Badrul Redzuan (2006), dalam sesebuah filem, sinematik yang ditayangkan adalah satu cerminan bagi menggambarkan aspek semiotik yang mempunyai nilai estetik yang kreatif. Nilai estetik seperti pergerakan kamera, muzik, warna, dan “*mise-en-scène*” inilah yang menyumbangkan kepada makna serta pada masa yang sama memberi pengaruh kepada plot, watak dan perwatakan, naratif dan tema sesebuah filem. Elemen visual professional yang dipraktikkan dalam aspek “*mise-en-scène*” termasuklah latar belakang (*sets*), pemakaian (*costumes*), peralatan pentas (*props*), pencahayaan (*lighting*) dan komposisi (*composition*) (Lathrop & Sutton, 2013).

Menurut Selvi Yani (2021), filem berfungsi sebagai medan perantaraan antara seorang pengarah dalam menyampaikan sesuatu konsep atau pesanan kepada para penonton. Maka, semiotik memberi peranan yang sangat penting dalam melanjutkan idea dan menghidupkan watak dan perwatakan dalam sesuatu filem. Watak dan perwatakan yang membina elemen naratif yang lain mempengaruhi representasi masyarakat di sekitarnya membuktikan bahawa setiap simbol dalam pembikinan filem membantu memperkembangkan filem. Hal ini kerana, watak bukan sekadar apa yang kita lihat sebagai riak wajah dan percakapan sahaja, namun aspek seperti budaya, fizikal dan moral yang menggambarkan dirinya iaitu sifat, perilaku, tabiat dan tingkah laku juga menjadi kayu ukur sesuatu watak dalam filem (Nor Ain, et.al. 2022). Tambahan lagi, pengarah kebiasaanya memberi persamaan antara watak dan perwatakan dalam

filem dengan budaya tempatan masyarakat bagi memudahkan penonton untuk sinonim dengan diri mereka. Terdapat juga props yang digunakan oleh watak dan objek di belakang tabir membawa simbol yang berfungsi sebagai maksud tersirat yang dihantar kepada penonton.

Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan unsur teori semiotik yang dipelopori oleh Roland Barthes bagi mengenal pasti nilai semiotik watak dalam filem “Imaginur” arahan Nik Amir Mustapha. Sebagai salah satu filem yang meraih kutipan pecah panggung saat ditayangkan, filem yang bersulamkan percintaan, psikoanalisis dan sains-fiksi ini telah tular dengan pembawaan filem yang membuatkan penonton turut berfikir pada setiap makna di sebalik adegan yang ditayangkan. Kekayaan makna yang dimiliki oleh filem ini turut diakui dalam kajian linguistik lain yang memfokuskan analisis metafora di dalamnya (Ismail, S., & Rosidi, D., 2024). Filem ini menyelitkan pelbagai jenis simbol dan lambang yang tersirat bukan sekadar dari dialog mereka sahaja namun, semiotik dalam setiap watak dan perwatakan juga jelas dilihat. Malahan, dalam tajuk filem ini juga terdapat aspek makna tersembunyi, iaitu “Imagi-” dan “-nur” yang merupakan singkatan kepada imaginasi terhadap Nur yang merupakan salah satu watak utama dalam filem ini.

1.1 Permasalahan Kajian

Berdasarkan kajian yang lepas, terdapat banyak pengkaji yang telah membincangkan pendekatan semiotik dalam filem termasuklah kajian daripada Michael Jibrael Rorong (2020), Inda Febriani (2022), Salma P. Nua (2022) dan banyak lagi. Hal ini kerana, teori semiotik Roland Barthes berasaskan pendekatan utama, iaitu melalui penanda dan petanda. Penanda yang berbentuk fizikal seperti objek, imej, ataupun perkataan lebih mudah didapati dalam sebuah filem. Perkara inilah menyebabkan ramai pengkaji luar negara seperti pengkaji Indonesia menjalankan kajian analisis yang menumpukan dalam skop perfileman. Namun, pengkaji Malaysia kurang menyingkap atau mengulas kajian semiotik yang mengarah ke bidang tersebut. Pengkaji linguistik tempatan lebih berminat untuk membuat kajian yang berfokuskan kepada poster, iklan, kulit buku dan novel. Hal ini kerana, bagi mereka, bahan-bahan ini yang bersifat statik dan keterbukaan akses menyebabkan lebih mudah untuk dicerap sebagai bahan kajian mereka (Huang, 2022). Sebagai contohnya, kajian tempatan bertajuk “Menyirat Makna dalam Manisnya Rambutan Kampung dari Perspektif Kod Simbolik Roland Barthes” karya Joyana Dilam (2020) yang mengkaji analisis semiotik dalam novel. Penulisan semiotik dalam filem tempatan tidak terlalu meluas dijadikan tajuk kajian dan hanya bergantung kepada beberapa pengkaji yang sama sahaja di Malaysia. Misalnya, pengkaji tempatan yang bernama M. Fazmi Hisham dan Zairul Anuar Md Dawam telah bersama-sama menulis tiga buah kajian yang kesemuanya berkonsepkan semiotik dalam filem Malaysia termasuklah “Analisis konstruksi Makna Menerusi Pencerayaan dan Gerak Kerja Kamera Filem ‘Lelaki Harapan Dunia’ (2019)”, “Analisis Semiotik Warna Terhadap Latar dan Watak Filem ‘Lelaki Harapan Dunia’ (2019)” dan “Analisis Semiotik Watak dalam Filem ‘Terbaik Dari Langit’ (2019)”. Oleh hal yang demikian, analisis semiotik dalam filem perlu diperluaskan lagi dalam kalangan pengkaji tempatan kerana adanya analisis ini mampu membantu pengkaji untuk lebih mendalami tema, nilai dan perwatakan dalam filem. Filem mampu menjadi satu tajuk kajian yang menarik daripada aspek semiotik kerana terdapat begitu banyak sahaja filem tempatan yang mempunyai adegan tersirat yang boleh dikupaskan.

Selain itu, kajian yang melibatkan analisis semiotik banyak yang berkonsepkan keterbukaan atau bersifat kebudayaan. Dalam kajian Herry Nur Hidayat et al. (2021) menekankan pengaruh etnik Minangkabau mampu menampilkan unsur semiotik untuk memperkenalkan lagi budaya Minangkabau dalam filem. Para pengkaji banyak menjalankan kajian semiotik filem yang lebih kepada pendedahan sesuatu budaya ataupun nilai murni yang ingin disampaikan. Namun, tidak banyak kajian analisis yang mengetengahkan representasi watak dalam pendekatan semiotik filem. Perkara ini relevan untuk diolah kerana setiap watak telah ditetapkan oleh pengarah dan kaedah mereka ingin menghidupkan watak tersebut pada setiap filem. Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian semiotik bagi mengeluarkan representasi beberapa watak perwatakan dalam filem “Imaginur”. Menerusi kajian ini, pengkaji menggariskan dua objektif utama, iaitu:

- a. Mengenal pasti unsur semiotik watak dalam filem “*Imaginur*” (2023).
- b. Menganalisis unsur semiotik watak dalam filem “*Imaginur*” (2023).

2. Kajian Literatur

Kajian semiotik menggunakan teori Roland Barthes telah digunakan dalam pelbagai konteks untuk memahami makna tersembunyi di sebalik tanda, simbol, dan elemen budaya dalam karya seni, termasuk dalam lirik lagu, puisi, cerpen, busana tradisional, dan filem. Teori Barthes tentang denotasi, konotasi, dan mitos memberi perspektif yang mendalam mengenai proses makna dibina dan ditafsirkan dalam karya ini, yang melibatkan pelbagai aspek sosial, budaya, dan emosi. Gabungan kajian semiotik ini menekankan pentingnya pendekatan teori Barthes dalam membongkar makna yang terkandung dalam pelbagai medium seni dan komunikasi.

2.1 Kajian Semiotik dalam Lirik Lagu, Puisi, dan Cerpen

Kajian semiotik pada lirik lagu seperti yang dilakukan oleh Wanda Indah Agustina et al. (2024) dalam kajian “Analisis Semiotika Makna Kerinduan pada Lirik Lagu ‘Gala Bunga Matahari’ menunjukkan pendekatan teori Barthes digunakan untuk menggali makna yang tersirat dalam lirik lagu. Penggunaan simbol “Bunga Matahari” sebagai tanda untuk menggambarkan harapan dan kerinduan telah dianalisis melalui lapisan-lapisan makna denotatif, konotatif, dan mitos. Hal ini seiring dengan kajian lain yang mengaplikasikan teori Barthes dalam genre lain seperti puisi dan cerpen. Contohnya, kajian Mohammad Kanzunnudin (2022) dalam “Analisis Semiotik Roland Barthes Pada Puisi Ibu” yang menggambarkan kod simbolik dan budaya melalui puisi tersebut. Kajian ini memperlihatkan bahawa puisi juga penuh dengan simbol yang memberi makna mendalam kepada pembaca melalui kod budaya dan hermeneutik yang digariskan oleh Barthes.

Begitu juga dengan kajian mengenai cerpen oleh Nurul Panca Putri et al. (2020) yang mengkaji semiotik dalam karya Eko Tunas. Kajian ini mengaplikasikan teori Barthes dalam mengkaji simbolisme dan kod semiotik dalam cerpen untuk mengungkap nilai-nilai kehidupan yang terkandung dalam teks, sekali gus menunjukkan bagaimana karya sastra boleh memberi pengajaran dan mendalamkan pemahaman tentang kehidupan sosial.

2.2 Kajian Semiotik dalam Filem

Di sisi lain, kajian semiotik dalam filem turut menunjukkan bagaimana elemen-elemen visual dan simbolik dalam filem membentuk naratif dan makna yang lebih mendalam. Seperti dalam kajian oleh M Fazmi Hisham et al. (2019) yang mengkaji filem Terbaik dari Langit, pengkaji menggunakan teori semiotik Barthes untuk menganalisis cara tanda visual dan watak-watak dalam filem menyampaikan makna sosial dan budaya. Kajian ini menegaskan bahawa filem bukan sahaja bertujuan untuk menghibur tetapi juga sebagai alat untuk menyampaikan mesej sosial yang relevan kepada penonton.

Selain itu, kajian oleh Azlina Asaari dan Jamaluddin Aziz (2017) dalam filem *Senjakala* memfokuskan kepada simbolisme dalam hubungan ibu dan anak yang membentuk makna kekuasaan wanita. Melalui pendekatan psikoanalisis feminis dan semiotik, kajian ini menunjukkan betapa filem mampu mencabar struktur patriarki dan mengubah persepsi sosial mengenai gender dan kekuasaan.

Kajian lain seperti oleh Inda Febriani Ali et al. (2022) dalam filem Bumi Manusia, menekankan penggunaan simbol budaya dalam filem untuk menggambarkan nilai sosial dan etnik. Dengan mengaplikasikan teori Barthes, pengkaji berjaya menghubungkan simbolisme budaya yang terdapat dalam elemen tradisional seperti pakaian dan ritual kepada mesej yang lebih luas mengenai identiti budaya.

2.3 Gabungan Penelitian dalam Filem dan Medium Lain


Perbandingan antara kajian semiotik dalam filem dan medium lain menunjukkan persamaan dalam penggunaan elemen simbolik untuk membentuk makna. Dalam kedua-dua kajian lirik lagu, puisi, dan filem, pendekatan Barthes membantu pengkaji memahami lapisan-lapisan makna yang berbeza, termasuk makna literal (denotasi), makna tersirat (konotasi), dan makna budaya atau sosial yang lebih mendalam (mitos). Dalam filem, penggunaan pencahayaan, sudut kamera, dan warna berfungsi seperti elemen dalam lirik lagu atau puisi, di mana mereka bukan sahaja menyampaikan makna secara visual tetapi juga membangkitkan emosi dan kesedaran sosial dalam kalangan penonton.

Sebagai contoh, kajian oleh M Fazmi Hisham dan Zairul Anuar Md Dawam (2019) mengenai teknik pencahayaan dan gerak kerja kamera dalam filem *Lelaki Harapan Dunia* juga seiring dengan kajian dalam bidang lain yang menganalisis elemen visual untuk membentuk makna. Sama seperti dalam kajian lirik lagu yang menganalisis simbol seperti "Bunga Matahari", kajian ini menunjukkan bahawa filem menggunakan elemen teknikal untuk menyampaikan makna yang mendalam tentang budaya dan identiti.


Secara keseluruhannya, kajian-kajian ini menggariskan betapa pentingnya pendekatan semiotik dalam pelbagai bentuk seni termasuk filem, lirik lagu, puisi, cerpen, dan busana dalam mengungkapkan makna-makna yang mendalam mengenai isu sosial, budaya, dan emosi. Teori Roland Barthes, yang berfokus pada denotasi, konotasi, dan mitos, memberi perspektif yang lebih luas dalam menilai proses makna dibina dan dipersembahkan kepada audiens. Gabungan kajian semiotik dalam filem dan medium lain ini menunjukkan bahawa semua bentuk seni mempunyai potensi untuk menjadi alat komunikasi yang kuat, bukan sahaja untuk hiburan tetapi juga untuk menyampaikan mesej sosial, budaya, dan emosi yang penting.

3. Metodologi

Kajian ini mengadaptasi pendekatan kualitatif deskriptif sebagai kerangka reka bentuk utama, yang dipilih atas kapasitinya untuk menjana data yang mendalam, terperinci, dan kontekstual bagi memahami fenomena sosial dan makna yang direpresentasi di sebalik simbol. Proses pengumpulan data dilaksanakan menerusi kaedah kepustakaan, yang mengutamakan penghimpunan sumber ilmiah dan bertulis. Seterusnya, data dianalisis menggunakan kaedah teks visual, iaitu proses pentafsiran data secara sistematik dengan memecahkan unsur naratif filem kepada struktur permulaan, pertengahan, dan pengakhiran. Penelitian ini distrukturkan menerusi Kerangka Model Konseptual Kajian (rujuk rajah 1), yang memetakan analisis babak/adegan pilihan daripada filem *Imaginur* kepada unsur-unsur pembinaan watak perwatakan seperti "*Mise-en-Scène*", teknikal sinematografi, suntingan, dan bunyi.

Rajah 1*Kerangka Model Konseptual Kajian*

Analisis unsur sinematik tersebut kemudian dihubungkan dengan Teori Semiotik Roland Barthes (2 tahap signifikasi), yang merujuk kepada Model Teori *Two Orders of Signification* (rujuk rajah 2). Model ini berfungsi untuk merungkai makna di peringkat denotasi (makna eksplisit dan bersifat langsung) dan konotasi (makna tambahan yang tersirat dan diolah berdasarkan konteks atau pengalaman), seterusnya mengenal pasti kesan sistem tanda watak dalam filem.

Rajah 2*Model Teori “Two Orders of Signification” Roland Barthe*

4. Dapatan dan Perbincangan Kajian


Bahagian ini akan membincangkan dapatan dan analisis semiotik watak yang terdapat dalam filem *Imaginur* (2023). Pengkaji telah mengaplikasi teori Roland Barthes (1964) sepenuhnya dalam penganalisan. Terdapat tiga watak yang akan dibincangkan dalam bahagian ini, iaitu watak Zuhail, watak Nur dan Dr Ramli.

Unsur Semiotik dalam Watak Zuhail

Jadual 1

Adegan semiotik Zuhail dalam filem Imaginur

Adegan	Keterangan Adegan	Masa (Jam:Minit:Saar)
1	Adegan dimulakan dengan seorang pemuda iaitu watak utama dalam filem ini yang bernama Zuhail. Zuhail ditempatkan di sebuah padang yang luas tanpa mengetahui tujuannya disana. Peliknya, padang yang dipenuhi dengan lalang-lalang yang tinggi ini kelihatan sunyi seolah-olah tiada seorang manusia pun yang pernah menjejakinya. Zuhail akhirnya ternampak sosok seorang gadis yang sedang membelakanginya tidak jauh dari Zuhail berdiri. Sosok tersebut berambut panjang separa dada dan memakai gaun yang juga sedang melihat matahari tengah tenggelam. Adegan ini diulang-ulang semula sebanyak tujuh kali sepanjang filem ini ditayangkan sehingga Zuhail memberanikan diri menegur gadis tersebut. Sejak kejadian itu, Zuhail asyik gelisah dan hidup dalam tanda tanya setiap kali dia terjaga dari mimpi tersebut.	00:00:28 – 00:02:02
10		00:12:54 – 00:13:18
14		00:23:16 – 00:24:24
25		00:45:26 – 00:47:42
53		01:17:47 – 01:18:17
58		01:19:33 – 01:20:24
60		01:20:49 – 01:22:19



Imej 1: Zuhail berdiri di sebuah padang lapang
Sumber Imej: Tayangan Filem *Imaginur*

Pengenalan mengenai watak utama, iaitu Zuhail sudah ditayangkan saat permulaan adegan filem. Watak Zuhail yang dirakamkan pada adegan di sebuah padang lapang ini memaparkan riak wajah yang keliru seolah-olah Zuhail tidak mengetahui sebab keberadaan dirinya disitu. Kewujudan sosok seorang gadis yang tidak jauh darinya membuatkan perasaan Zuhail membuak-buak ingin mengetahui identiti gadis tersebut.

Jadual 2*Pecahan simbol semiotik, denotasi dan konotasi*

Simbol/ Lambang Semiotik	Denotasi	Konotasi
Penggulangan adegan sebanyak tujuh kali di padang lapang	Zuhal tersekat dalam kitaran tempat dan keadaan yang sama	Kehidupan realiti seorang pesakit Alzheimer yang susah untuk melupakan trauma dalam hidupnya
Dialog diujarkan oleh Nur “ <i>You kena bangun Zuhal.</i> ”	Nur meminta Zuhal untuk bangun dari mimpi dan imajinasinya	Nur menyedarkan Zuhal untuk bangun daripada ingatan luka itu dan terus redha dengan takdir yang ditetapkan

Secara ringkasnya, denotasi boleh ditafsirkan sebagai makna yang ketara dan boleh ditangkap oleh pancaindera manusia manakala konotasi pula tanggapan kedua yang lebih tersirat dan sering kali bertautan dengan penggunaan daya fikiran (Dewi & Riris, 2020).

Denotasi adegan ini terletak pada penggulangan adegan yang dirakamkan di padang lapang. Penggulangan adegan yang sama sebanyak tujuh kali kali sepanjang filem ini berlangsung, jelas membawa maksud Zuhal yang tersekat dalam kitaran tempat dan keadaan yang sama. Kitaran ini menyebabkan Zuhal binggung dan tertekan dengan takdir yang sama berulang kali. Maka dari itu, konotasi yang boleh disimpulkan melalui adegan yang sama ini memberi makna kepada kehidupan realiti seorang pesakit Alzheimer. Individu yang menghidap penyakit Alzheimer acap kali mempunyai masalah ingatan dan kehilangan keupayaan untuk berfikir dengan kritis. Melihat dari konteks filem ini, pengarah telah membawa penonton ke dalam minda Zuhal, seorang lelaki pesakit Alzheimer yang keliru dengan keadaan yang sama tidak henti-henti. Adegan ini membawa mesej yang dalam mengenai takdir kehidupan seorang pesakit Alzheimer yang berusaha untuk menggingati sesuatu perkara sehinggakan perlu dibantu berulang kali untuk menyembuhkan trauma tersebut. Selain itu, pengarah sengaja memaparkan adegan ini sebagai adegan utama untuk menekankan tema psikologi ke dalam filem ini.


Seterusnya, selain daripada penggulangan adegan yang sama dilakukan oleh pengarah bagi menyelami keadaan Zuhal sebagai pesakit Alzheimer, terdapat juga dialog yang dilontarkan oleh Nur (gadis tersebut) dan Zuhal. Dialog yang dimaksudkan ialah:

NUR <i>You kena <u>bangun</u> Zuhal.</i> ZUHAL Dan hilang semua ni? <i>I</i> tak nak hilang <i>you</i> lagi. NUR Tapi <i>you</i> takkan hilang <i>I</i> pun. Ingat apa <i>you</i> rasa pasal semua ni. Ingat apa <i>you</i> rasa pasal kita. Kan?
--



Imej 2: Nur dan Zuhail akhirnya berinteraksi di padang lapang
Sumber Imej: Tayangan Filem *Imaginur*

Dialog daripada adegan 25 ini yang masih berada di padang lapang tersebut mempunyai makna semiotik yang boleh diolahkan. Denotasi perkataan ‘bangun’ dalam dialog tersebut boleh diterjemahkan sebagai permintaan Nur kepada Zuhail untuk bangun daripada dunia imajinasinya itu dan berhenti untuk berharap Nur sentiasa ada disisinya. Melalui adegan dan dialog ini, konotasi yang ingin disampaikan oleh pengarah termasuklah gangguan orientasi seorang pesakit Alzheimer dalam kesukaran mengenali masa dan tempat. Melihat dari ruang lingkup filem ini, penulis skrip mengandaikan perkataan ‘bangun’ sebagai menyedarkan diri daripada masa lalu dan menerima hakikat realiti masa kini. Hal ini boleh dilihat berdasarkan adegan 49 yang mana Zuhail (orang tua) sebenarnya asyik mengulang-ulang memori yang sama disebabkan oleh dirinya yang sukar menerima kenangan sedih dan tragis yang terjadi kepada dirinya pada masa lampau. Berdasarkan kajian daripada *University of California San Francisco* (2024), pesakit Alzheimer mempunyai ciri-ciri halusinasi yang kuat yang mana mempengaruhi masalah dalam mengawal perasaan dari pengalaman lalu sehinggakan beranggapan keadaan itu akan hidup semula pada masa tertentu. Oleh hal yang demikian, dialog yang dilontarkan oleh Nur yang menyuruh Zuhail ‘bangun’ adalah sebenarnya bagi menyedarkan Zuhail untuk bangun daripada ingatan luka itu dan terus redha dengan takdir yang ditetapkan. Pentafsiran ini dikukuhkan lagi dalam adegan 49 apabila Zuhail (orang tua) yang terlantar di katil hospital sedang berusaha mengawal perasaan dan memorinya.



Imej 3: Zuhail (orang tua) terlantar dikatil hospital
Sumber Imej: Tayangan Filem *Imaginur*

Unsur Semiotik dalam Watak Nur

Jadual 3

Adegan Semiotik Nur dalam Imaginur

Adegan	Keterangan Adegan	Masa (Jam:Minit:Saar)
1 10 14 25	Di tengah-tengah padang lapang, terdapat seorang gadis yang sedang memakai gaun berwarna biru lembut bernama Nur. Nur hanya berdiri kaku membelakangi bingkai kamera dengan memandang matahari terbenam diantara bukit-bukau. Adegan ini juga diulang sebanyak empat kali sepanjang filem ini ditayangkan tanpa sebarang dialog yang diucapkan sambil shot kamera semakin dekat dengan subjek (Nur).	00:01:40 – 00:02:02 00:13:05 – 00:13:17 00:24:12 – 00:24:22 00:45:56 – 00:46:03
2 28 44 46 48 56	Nur menarik beg bagasi hijaunya kearah stesen keretapi. Adegan ini akan diikuti dengan Zuhail yang mengejar Nur ke stesen keretapi tersebut. Adegan ini hanya dirakam dalam jangka masa dua saat sahaja setiap shot dan diulang sebanyak enam kali sepanjang filem ini.	00:02:33 – 00:02:37 00:50:18 – 00:50:20 01:10:45 – 01:10:47 01:11:37 – 01:11:39 01:11:53 – 01:11:55 01:19:02 – 01:19:04



Imej 4: Beberapa adegan yang diambil dari “back shot” Nur
Sumber Imej: Tayangan Filem *Imaginur*

Melalui adegan di padang lapang, Nur yang mulanya tidak diketahui wataknya pada permulaan filem, hanyalah sekadar gadis misteri. Sepanjang adegan ini ditayangkan, wajah Nur langsung tidak kelihatan dan hanyalah sosok belakang badan Nur sahaja difokuskan sehinggalah adegan yang mana Zuhail mula menegurnya. Tidak lupa juga, adegan ketika berada di stesen keretapi turut menunjukkan Nur hanya dilihat mengangkat sebuah beg bagasi hijau melalui gambaran belakangnya sahaja.

Jadual 4*Pecahan simbol semiotik, denotasi dan konotasi*

Simbol/ Lambang Semiotik	Denotasi	Konotasi
Penggunaan teknik “ <i>back shot</i> ” dalam beberapa adegan memperkenalkan watak Nur.	Penggunaan “ <i>back shot</i> ” menggambarkan kamera adalah perspektif daripada orang belakang.	Penekanan terhadap kewujudan misteri watak Nur.
Latar tempat padang yang lapang.	Unsur kesan alam yang tenang tanpa kewujudan manusia yang lain kecuali Nur.	Hanya Nur seorang sahaja yang boleh membantu Zuhail dalam keadaan yang keliru tersebut.
Kewujudan cahaya matahari yang berada di tengah-tengah bukit pada adegan Nur.	Hari yang mendung dan berlaku pada waktu petang.	Representasi bahawa hanya Nur sahaja yang boleh menyelamatkan dan membimbing Zuhail.


Adegan yang diulang ini mempunyai makna denotasi yang boleh dikeluarkan iaitu daripada teknikal sinematografinya. Denotasi melalui teknik shot iaitu “*back shot*” atau pandang belakang yang memperlihatkan shot subjek daripada bahagian belakang sinonim dengan maksud melihat daripada perspektif orang lain. Secara ringkasnya, denotasi “*back shot*” adegan Nur seumpama kamera adalah kaca mata pandangan Zuhail yang ada di belakang Nur pada masa itu. Namun, sekiranya diolahkan lagi maksud tersirat daripada adegan “*back shot*” Nur ini terdapat maksud konotasi yang boleh dikaitkan. Konotasi berdasarkan adegan ini memberi terjemahan berkaitan penekanan terhadap kewujudan misteri watak Nur. Merujuk kepada plot penceritaan filem ini, Nur bukanlah satu watak yang nyata dan hanyalah sekadar watak khayalan yang Zuhail tidak mampu lupakan daripada memorinya. Realitinya, Nur, isteri Zuhail sudah lama pergi ke negeri abadi. Posisi Nur yang membelakangi kamera tanpa menunjukkan wajahnya jelas membuktikan bahawa Nur merupakan watak yang misteri dalam filem ini. Pengarah juga sengaja meletakkan unsur suspen dan emosi ke dalam adegan ini apabila shot kamera mula untuk “*tracking shot*” perlahan-lahan ke watak Nur.



Imej 5: Adegan shot kamera “*tracking shot*” ke watak Nur
 Sumber Imej: Tayangan Filem *Imaginur*

Rajah 3

Gerak kerja kamera “tracking shot” adegan 10



Selain itu, adegan ini juga mempunyai denotasi berdasarkan latar tempat yang dipilih. Denotasi bagi latar tempat iaitu di sebuah padang lapang boleh diertikan sebagai unsur kesan alam yang tenang dan damai tanpa kehadiran manusia yang lain. Meski demikian, sekiranya menelusuri makna konotasi di sebalik latar tempat padang ini boleh diterjemahkan sebagai suatu tempat di bawah alam separa sadar. Padang yang luas ini merupakan simbol terbuka, kekosongan dan perasaan sunyi yang dirasakan oleh pesakit Alzheimer seperti Zuhail. Ini selari dengan konsep konotasi teori Roland Barthes dalam bukunya “*The Photographic Message*” (1978), yang menekankan bahawa konotasi memberikan makna tambahan yang dikaitkan daripada pelbagai faktor termasuklah nilai emosional. Visual padang yang luas ini memberi tafsiran emosi trauma kesunyiaan watak Zuhail kepada pengalaman penonton. Perkara ini juga dikukuhkan lagi dalam kajian yang bertajuk “*The Psychological Structure of Loneliness*” yang ditulis oleh Marlies Maes et al. (2022), menyimpulkan bahawa pengalaman kehilangan atau perasaan kesunyian dapat dirasakan terus melalui konsep persekitaran yang kosong dan ruang terbuka disebabkan oleh sensasi psikologi yang kuat. Melihat daripada skop filem ini, kekosongan yang dimaksudkan menyebabkan Zuhail hilang arah tuju dan keliru akan tempat tersebut. Kewujudan Nur di padang tersebut melahirkan bayangan harapan kepada Zuhail yang mana satu-satunya manusia yang ada di tempat itu. Pengarah memfokuskan komposisi Nur di tengah-tengah padang tersebut bagi menekankan watak Nur seorang sahaja yang mempengaruhi ingatan Zuhail dalam filem ini. Gambaran tafsiran ini merujuk seiring dengan teori Barthes (1964), yang menempatkan konotasi sebagai lapisan kedua yang dibentuk oleh suasana dan emosi yang akan menyalurkan idea kepada penonton.



Imej 6: Adegan Zuhail mendekati Nur
Sumber Imej: Tayangan Filem *Imaginur*

Di samping itu, terdapat juga denotasi melalui adegan ini yang membantu membina watak Nur, iaitu cahaya matahari yang berada di tengah-tengah bukit. Denotasi daripada cahaya matahari ini boleh diertikan sebagai hari yang mendung dan hampir tenggelam menandakan waktu adegan ini berlaku pada


waktu petang. Akan tetapi, makna cahaya matahari boleh diolahkan lebih daripada itu. Makna konotasi daripada cahaya matahari melalui adegan ini boleh ditafsirkan sebagai cahaya harapan dan kebenaran. Malah, cahaya sememangnya memberikan makna simbolik sebagai lambang harapan dan optimisme (Symbolopedia, 2024). Dalam sudut psikologi eksistensial juga, kehadiran cahaya dalam kesunyian sering memberikan gambaran terdapat jalan penyelesaian bagi individu yang berada dalam keadaan krisis dan kekeliruan (Frankl, 1985). Sepertimana perasaan kesunyian Zuhail di padang tersebut, kehadiran cahaya matahari ini memberi representasi bahawa hanya Nur sahaja yang boleh menyelamatkan dan membimbing Zuhail untuk keluar dari kekeliruan itu. Oleh itu, cahaya matahari yang sengaja ditunjukkan dalam shot yang sama dengan Nur menggambarkan watak Nur adalah jawapan untuk segala-galanya.

Unsur Semiotik dalam Watak Dr. Ramli

Jadual 5

Adegan semiotik Dr. Ramli dalam *Imaginur*

Adegan	Keterangan Adegan	Masa (Jam: Minit: Saat)
12	Setibanya Zuhail di sebuah tempat yang usang, terlihat seorang lelaki sedang memakai baju kemeja-T putih dilengkapkan dengan sebuah baju kardigan panjang berwarna coklat dan putih. Tempat yang usang dan tidak tersusun tersebut yang disangkakan pusat hipnosis dihuni oleh Dr. Ramli. Adegan ini menampilkan Dr. Ramli yang sedang berusaha bagi membantu Zuhail untuk sembuh daripada sakitnya dengan menggunakan alatan <i>hipnosis</i> .	00: 14:32 – 00:22:20



Imej 7: Adegan di tempat hipnosis Dr. Ramli
Sumber Imej: Tayangan Filem *Imaginur*

Oleh sebab Zuhail menerima sekeping kad yang menunjukkan alamat ke sebuah pusat hipnosis, Zuhail akhirnya ditemukan dengan Dr. Ramli. Keadaan tempat yang tidak tersusun ini menimbulkan perasaan tidak selesa dan curiga terhadap persona Dr. Ramli sepanjang Zuhail berada di ruang tersebut. Walau bagaimanapun, Dr. Ramli berjaya memujuk Zuhail untuk terus setia dan percaya dengan matlamat beliau untuk membantu Zuhail.


Jadual 6*Pecahan simbol semiotik, denotasi dan konotasi*

Simbol/ Lambang Semiotik	Denotasi	Konotasi
Penggunaan jenis skema warna “ <i>analogous</i> ” dalam beberapa adegan.	Rumah yang diduduki oleh Dr. Ramli suram dan jauh daripada pendedahan cahaya matahari dari luar.	Penekanan terhadap watak Dr. Ramli sebagai watak yang tenang dan ciri profesionalisme.
Dr. Ramli memakai baju kardigan panjang.	Menunjukkan biliknya yang kelihatan dingin disebabkan kurangnya pendedahan cahaya matahari.	Transisi perlahan-lahan menunjukkan identiti sebenar Dr. Ramli, seorang doktor klinikal yang memakai kot putih.
Dialog ‘titik tengah’ yang dituturkan kepada Zuhail.	Dr. Ramli menyuruh Zuhail untuk memberi tumpuan penuh kepada visual ‘titik tengah’ tersebut bagi menjayakan proses hipnosis ke dalam minda Zuhail.	Dr Ramli sebenarnya meminta Zuhail untuk fokus kepada memori dalam otak beliau yang sukar untuk dilupakan.

Berdasarkan adegan ini, terdapat denotasi yang boleh dikeluarkan daripada unsur penggunaan jenis skema warna filem ini. Sepanjang adegan ini, skema warna yang digunakan banyak menggunakan ton warna yang lebih gelap dan pencahayaan yang terhad. Makna denotasi daripada skema warna ini boleh diterjemahkan sebagai rumah yang diduduki oleh Dr. Ramli suram dan jauh daripada pendedahan cahaya matahari dari luar. Meskipun begitu, skema ton warna yang dipaparkan bukanlah sekadar menunjukkan keadaan rumah tersebut. Makna konotasi daripada pemilihan skema warna ini berkait rapat dengan watak Dr. Ramli yang membawa watak ketenangan dalam hidup Zuhail. Skema warna yang dimaksudkan ialah jenis skema warna “*analogous*”. Secara kasarnya, warna “*analogous*” ataupun warna seiras merupakan warna yang masing-masing terletak bersebelahan antara satu sama lain dalam roda warna (*colour wheel*). Melahirkan persekitaran yang harmoni dan menggambarkan perubahan emosi merupakan antara sebab pengarah dan penyunting video mementingkan pemilihan warna “*analogous*” dalam filem mereka (Hailey Van Braam, 2024). Oleh itu, melihat daripada konteks filem ini, skema warna yang juga dipengaruhi oleh perubahan gelap (*shade*) dalam adegan ini memberi penekanan terhadap watak Dr. Ramli sebagai watak yang tenang dan ciri profesionalisme. Perubahan gelap (*shade*) yang tidak menjolok mata menyuntik perasaan keselesaan dan pada masa yang sama, dapat mengubah emosi Zuhail untuk mempercayai kredibiliti Dr. Ramli.

Rajah 4

Skema warna “analogous” berdasarkan roda warna (colour wheel)



Penggunaan skema warna “analogous” telah digunakan secara meluas oleh pengarah dan penyunting filem yang bertaraf antarabangsa. Sebagai contoh, dalam filem *Finding Nemo* (2003) juga mengaplikasikan pemilihan skema warna “analogous” dalam memberi tumpuan kepada hubungan persahabatan antara kedua-dua ikan, iaitu Marlin dan Dory ketika dikelilingi oleh obor-obor. Kombinasi warna biru, merah dan ungu menjadikan adegan tersebut lebih tertumpu kepada hubungan watak masing-masing yang saling mempercayai satu dengan yang lain. Warna biru, merah dan ungu merupakan warna “analogous” kerana berada bersebelahan dalam roda warna (colour wheel).

Seterusnya, kostum yang dipakai oleh Dr. Ramli juga boleh diberikan makna denotasi. Makna denotasi kostum yang dipakai oleh Dr. Ramli, iaitu kardigan panjang membawa maksud pakaian harian yang biasa dipakai ketika keadaan suhu yang sedikit sejuk. Sekilas pandang, Dr. Ramli berkemungkinan memakai kardigan panjang hanyalah kerana biliknya yang kelihatan dingin disebabkan kurangnya pendedahan matahari. Sungguhpun begitu, pemakaian kardigan panjang mempunyai makna konotasi dalam memahami watak sebenar Dr. Ramli. Konotasi yang boleh diolahkan daripada kardigan panjang tersebut pada dasarnya sedikit demi sedikit sedang mendedahkan pekerjaan sebenar Dr. Ramli. Sebagaimana yang diketahui, Dr. Ramli bukanlah seorang ahli hipnosis, sebaliknya merupakan seorang pakar perubatan klinikal. Perkara ini boleh dilihat pada adegan 01:12:37 – 01:12:58 yang mana memperlihatkan waktu yang nyata dan merungkaikan pekerjaan sebenar Dr. Ramli yang sedang membantu Zuhail (orang tua) menyembuhkan traumanya. Kardigan panjang ini seolah-olah menyerupai kot putih panjang yang sering dipakai oleh seorang doktor di hospital. Maka dari itu, pengarah sengaja memberikan kostum kardigan panjang kepada watak Dr. Ramli bagi menyampaikan mesej tersirat secara perlahan-lahan kepada penonton mengenai transisi identiti sebenar Dr. Ramli, seorang doktor klinikal yang memakai kot putih.


Rajah 5

Adegan 12 Dr. Ramli sedang memakai kardigan panjang dalam konteks ilusi Zuhail



Rajah 6

Adegan akhir Dr. Ramli sedang memakai kot putih dalam dunia nyata




Di samping itu, pekerjaan Dr. Ramli yang merupakan seorang doktor klinikal dan bukanlah seorang ahli hipnosis boleh diperkukuhkan lagi dengan bukti dialog yang diucapkan oleh Dr. Ramli pada adegan 00:22:16 – 00:22:20 kepada Zuhail.

Dialog yang dimaksudkan:

DR. RAMLI

“Zuhail, kau fokus pada titik tengah.”

Berdasarkan dialog yang diucapkan oleh Dr. Ramli ini, terdapat konotasi yang boleh dikupas terutamanya pada perkataan ‘titik tengah’ yang dimaksudkan. Makna konotasi daripada perkataan ‘titik tengah’ boleh diberi pengertian bahawa Dr. Ramli sedang menyuruh Zuhail untuk memberi tumpuan penuh kepada visual ‘titik tengah’ tersebut bagi menjayakan proses hipnosis ke dalam minda Zuhail. Namun begitu, sekiranya diteliti secara mendalam maksud di sebalik perkataan ‘titik tengah’ ini mempunyai makna yang lebih daripada itu. Secara konotasinya, ‘titik tengah’ ini mempunyai kaitan dalam bidang psikologi. Terdapat beberapa proses mental yang digunakan ketika seseorang dalam usaha mengingat sesuatu memori, iaitu kronologinya bermula daripada penerimaan (*encoding*), penyimpanan memori (*storage*) serta dapatan kembali (*retrieval*) yang kesemuanya berpusat pada otak manusia (Robert L. Solso, 2013). Oleh itu, makna konotasi yang boleh diterjemahkan berdasarkan perkataan ‘titik tengah’ adegan ini ialah Dr Ramli sebenarnya meminta Zuhail untuk fokus kepada memori dalam otak beliau yang sukar untuk dilupakan. Realitinya, Dr. Ramli menuturkan dialog tersebut dalam konteks perubatan psikologi sebagaimana pekerjaannya sebagai doktor pakar perubatan klinikal.



Imej 8: Dr. Ramli menyuruh Zuhail untuk fokus pada titik tengah di dalam skrin
Sumber Imej: Tayangan Filem *Imaginur*

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, analisis semiotik terhadap filem “Imaginur” menunjukkan proses penggunaan denotasi dan konotasi diaplikasikan untuk menghidupkan sesebuah watak. Melalui kajian ini, menunjukkan bahawa watak utama dalam filem ini, iaitu Zuhail, merupakan seorang pesakit Alzheimer yang tersekat dalam memori masa lampau. Menurut Roland Barthes, dalam bukunya ‘*Elements of Semiology*’ (1964), ada menekankan bahawa denotasi dikategorikan sebagai tahap pertama yang mana merupakan makna umum dan literal yang diterjemahkan oleh pengguna bahasa atau penonton. Oleh hal yang demikian, filem ini menyelitkan beberapa simbol semiotik seperti suntingan penggulungan adegan, teknikal sinematografi, “*mise-en-scene*” dan dialog dalam beberapa adegan untuk membantu dalam memahami watak yang ada dalam filem ini. Konotasi pula tahap kedua yang mana setelah mendalami isi tersirat daripada simbol semiotik ini. Jelaslah bahawa, analisis ini membantu dalam mengenali unsur semiotik watak dalam filem “Imaginur” arahan Nik Amir Mustapha menggunakan teori semiotik Roland Barthes.

Berdasarkan kajian ini, terdapat beberapa implikasi kajian yang mana memberikan kefahaman yang lebih terperinci mengenai perhubungan antara lambang, watak dan plot penceritaan. Melihat dari jendela akademik, hasil dapatan ini dapat menyokong kepada perkembangan wacana dalam bidang komunikasi visual dan pengenalan kepada teori semiotik Roland Barthes dalam ilmu sastera moden. Prosedur dalam membongkar lapisan makna tersirat melalui analisis semiotik dapat membantu kefahaman penonton yang mungkin terlepas pandang, sekali gus membuka peluang kepada kajian lanjut mengenai pengaruh simbolik dalam membentuk persepsi khalayak. Dari sudut praktikal pula, implikasi kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pengarah filem dan pengiat seni perfileman tempatan untuk lebih kreatif dalam mengolah mesej tersirat melalui simbol dan lambang bagi menghidupkan penceritaan visual. Oleh itu, implikasi kajian ini bukan sahaja menekankan berkaitan perihwal teori semiotik dalam dunia akademik, malah kajian ini juga membantu memastikan industri hiburan masa kini untuk bertindak dengan idea yang lebih kreatif dan berstrategi dalam menyampaikan mesej yang mendalam kepada penonton.

Rujukan

- Asnat Riwu & Tri Pujiati. (2018). Analisis Semiotika Roland Barthes Pada Film 3 Dara (Kajian Semiotika). *DEIKSIS*, 10 (3), 212-223.
- Azlina Asaari & Jamaluddin Aziz. (2017). Konflik Semiotik dan Simbolik dalam Hubungan Ibu dan Anak Perempuan dalam Filem Seram Kontemporari Melayu: Kajian Kes Filem Senjakala. *Journal of Language Studies*, 17 (4), 274- 292.
- Basharuddin, N. A., & Mohamad, H. (2014). Interpretasi pantun daripada perspektif semiotik. *Jurnal Linguistik*, 18(1), 1–9
- Barthes, R. (1964). *Elements of Semiology*. New York: Hill & Wang.
- Barthes, R. (1978). *The Photographic Message*. New York: Hill & Wang.
- Callista, K., Putri, S., Salwa, A., & Tengku, A. (2022). Analisis Teori Semiotika Roland Barthes dalam Film Miracle in Cell No.7 Versi Indonesia. *Journal of Communication Studies and Society*, 1 (2), 38-43.
- Cut, D., Hasan, B., & Moh, B. (2024). Makna Denotasi dan Konotasi Meme dalam Media Sosial Twitter: Kajian Semiotika Roland Barthes. *Jurnal Onoma: Pendidikan, Bahasa dan Sastra*, 10 (2), 1244- 1256.
- Dewi, k., (2020). “Makna Semiotik Hinakazari dalam Budaya Jepang”. Skripsi Universitas Jendral Sudirman
- Frankl, V. E. (1959). *Man’s Search for Meaning*. Beacon Press.
- Ismail, S., & Rosidi, D. (2024). Metafora dalam filem Imaginur. *Jurnal Linguistik*, 28(1), 75–99
- Marlies M. (2022). The Psychological Structure of Loneliness. *International journal of environmental research and public health*, 19(3), 1061. <https://doi.org/10.3390/ijerph19031061>
- M Fazmi, H., Zairul, A., & Imelda, A. (2019). Analisis Semiotik Watak dalam Filem “Terbaik Dari Langit”. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2 (5), 124-144.
- Noor Bazura Baharuddin & Abdul Ghafar Ibrahim. (2008). Filem Buai Laju-laju Arahan U- Wei Haji Saari: Satu Analisis Semiotik. *Jurnal Skrin Malaysia*, 5 (4), 55-70.
- Hailey Van Braam. (2024). *Analogous Colour: Definition, Examples and Schemes*. <https://www.colorpsychology.org/analogous-colors/>.

- Herry, N., Bani, S., Sahid, T., & Sri, K. (2021). *Menggali Minangkabau dalam Film Dengan Mise-en-scene. ProTVF*, 5 (1), 117-144.
- Inda, F., Minarni, T., & Salma, P. (2022). Analisis Semiotika Unsur-unsur Budaya Jawa Timur dalam Film Bumi Manusia. *Hulondalo Jurnal Ilmu Pemerintahan dan Ilmu Komunikasi*. 1 (1), 50- 62.
- Joyana Dilam. (2020). Menyirat Makna Dalam Manisnya Rambutan Kampung dari Perspektif Kod Simbolik Roland Barthes. *Malay Literature*, 33(2), 193-211.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2009). *Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*.
<https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR%20WANITA%20NEGARA.pdf>
- Laili Nur Qomariyah. (2023). Semiotik- Roland Barthes
https://www.researchgate.net/publication/367189905_SEMIOTIK_-ROLAND_BARTHES.
- M Fazmi Hisham & Zairul Anuar Md Dawam. (2019). Analisis Konstruksi Makna Menerusi Pencapaian dan Gerak Kerja Kamera Filem Lelaki Harapan Dunia (2014). *Gendang Alam*. 85- 108.
- M Fazmi Hisham & Zairul Anuar Md Dawam. (2019). Analisis Semiotik Warna Terhadap Latar dan Watak Filem Lelaki Harapan Dunia (2014). *Jurnal Kinabalu*, 2 (25), 89-112.
- Mohammad Kanzunudin. (2022). Analisis Semiotik Roland Barthes pada Puisi ‘Ibu’ Karya D.Zawawi Imron. *Sawerigading*, 28 (2), 183- 200.
- Nazanin. (2021). Colors In The World Animations. https://colors.dopely.top/inside-colors/color-in-the-world-of-animations/#google_vignette.
- Ninuk Lustyantie. (2012). *Pendekatan Semiotik Model Roland Barthes dalam Karya Sastra Prancis*.
<https://pps.unj.ac.id/publikasi/dosen/ninuk.lustyantie/16.pdf>.
- Nor, A., Zairul, A., & Sim, C. (2019). Simbolisme Watak dan Perwatakan Berdasarkan Konteks Sosio-Budaya Masyarakat Malaysia dalam Filem Ola Bola (2016). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16 (6), 1-13.
- Nurdin. (2021). Analisis Semiotik Roland Barthes Terhadap Busana Rimpun Wanita Bima. *Jurnal Ilmiah Mandala Educational*, 7 (3), 699- 707.
- Selviyani Nur Fahida. (2021). Analisis Semiotika Roland Barthes pada Film “Nanti Kita Cerita Hari Ini” (NCKCTHI) Karya Angga Dwimas Sasongko. *Journal Anthology of Film and Television Studies*, 1 (2), 33- 42.
- Syafruddin, P., Meydita, S., & Muhammad, T., (2023). Representasi Patriotisme dalam Lirik Lagu Daerah Sumatera Utara “Butet”: Studi Analisis Semiotika Roland Barthes. *Jurnal Multidisplin Indonesia*, 2 (6), 944- 952.
- Symbolopedia. (2024). *Light Symbolism and Meaning*. <https://symbolopedia.com/light-symbolism-meaning/>
- University of California San Francisco. (2019). *Behavior & Personality Changes Dementia*.
<https://memory.ucsf.edu/caregiving-support/behavior-personality-changes>
- Wanda, I., Diryo, S., & Ike, D. (2024). Analisis Semiotika Makna Kerinduan Pada Lirik Lagu “Gala Bunga Matahari” Karya Sal Priadi. *EduInovasi: Journal of Basic Educational Studies*, 4 (2), 1256-1269.

Biodata Penulis:

Dr Julaina Nopiah merupakan pensyarah kanan Jabatan bahasa Melayu, di Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bidang kepakaran beliau ialah semantik dan pragmatik. Penulisan beliau kebanyakannya berhubung dengan kajian semantik dan pragmatik dan berfokuskan terhadap kajian peribahasa dan akal budi.

Anis Shafierah Mohamad Adli merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Pengajian Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa (Kepujian) dari Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).